



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN SUKU TAHUN PERTAMA 2025

**Ekonomi Malaysia dianggarkan bertumbuh 4.4 peratus,
disokong oleh aktiviti domestik dan permintaan yang kukuh**

PUTRAJAYA, 18 APRIL 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan¹ bagi suku tahun pertama 2025. Berdasarkan anggaran awalan, ekonomi Malaysia bertumbuh 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025, mereda daripada pengembangan 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan KDNK Malaysia kekal kukuh dalam situasi cabaran global yang berlarutan, disokong oleh asas ekonomi domestik yang berdaya tahan. Sektor Pembuatan merekodkan peningkatan output 4.8 peratus pada Februari, dipacu terutamanya oleh industri berorientasikan eksport. Perayaan bermusim seperti sambutan Tahun Baru Cina, persediaan Ramadan dan pembukaan semula tahun persekolahan telah membantu memastikan aktiviti ekonomi kekal positif. Faktor-faktor ini menyumbang kepada prestasi jualan perdagangan edaran yang lebih kukuh, dengan peningkatan 5.1 peratus pada Februari berbanding 4.6 peratus pada bulan sebelumnya, terutamanya disokong oleh prestasi kukuh dalam kedua-dua perdagangan borong dan runcit. Tambahan lagi, pasaran buruh kekal memberangsangkan dengan peningkatan guna tenaga yang berterusan dan kadar pengangguran yang stabil pada 3.1 peratus. Bagi sektor luaran, aktiviti perdagangan berterusan disokong oleh permintaan global yang lebih baik bagi barangan eksport utama. Secara keseluruhan, komponen domestik dan luaran membantu mengurangkan kesan ekonomi dalam menghadapi cabaran global, seterusnya menyokong pertumbuhan bagi suku tahun ini."

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun pertama 2025 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

Bagi prestasi mengikut sektor, **Perkhidmatan** kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun pertama 2025, mencatatkan pertumbuhan 5.2 peratus (ST4 2024: 5.5%), diterajui oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Maklumat & komunikasi. Sektor **Pembuatan** mencatatkan pertumbuhan 4.2 peratus (ST4 2024: 4.4%), terutamanya disokong oleh pengeluaran yang kukuh dalam Produk elektrik, eletronik dan optikal serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan.

Beliau menambah, “Sektor **Pembinaan** merekodkan pertumbuhan dua digit bagi lima suku tahun berturut-turut dengan pertumbuhan 14.5 peratus (ST4 2024: 20.7%), disokong terutamanya oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Bangunan kediaman. Sektor **Pertanian** mencatatkan peningkatan marginal 0.7 peratus (ST4 2024: -0.5%), didorong oleh subsektor Perikanan. Sementara itu, Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** terus menyusut kepada negatif 4.9 peratus (ST4 2024: -0.9%), dipengaruhi oleh pengeluaran yang lebih rendah dalam semua subsektor.”

Lanjutan daripada anggaran awalan ini, KDNK preliminari yang menyediakan set data analisis terperinci dan komprehensif bagi suku tahun pertama 2025 akan dikeluarkan pada 16 Mei 2025.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, (% YoY)

Jenis aktiviti ekonomi	Peratus sumbangan kepada KDNK tahun 2024* (%)	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya						
		2023	2024	2024				2025
				ST1	ST2	ST3	ST4	
KDNK	100.0	3.6	5.1	4.2	5.9	5.4	5.0	4.4
Pertanian	5.7	0.7	3.1	1.7	7.3	4.0	-0.5	0.7
Perlombongan & pengkuarian	6.0	0.5	0.9	5.7	2.7	-3.9	-0.9	-4.9
Pembuatan	23.0	0.7	4.2	1.9	4.7	5.6	4.4	4.2
Pembinaan	4.3	6.1	17.5	11.9	17.3	19.9	20.7	14.5
Perkhidmatan	59.8	5.1	5.4	4.8	5.9	5.2	5.5	5.2

Nota: * Tidak termasuk Duti import

** Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari, (% YoY)


Aktiviti Ekonomi	2024								2025
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1
	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE
KDNK	3.9	4.2	5.8	5.9	5.3	5.4	4.8	5.0	4.4
Pertanian	1.3	1.7	7.1	7.3	4.0	4.0	-0.6	-0.5	0.7
Perlombongan & pengkuarian	4.9	5.7	3.3	2.7	-3.4	-3.9	-1.4	-0.9	-4.9
Pembuatan	1.9	1.9	4.7	4.7	5.7	5.6	4.3	4.4	4.2
Pembinaan	9.8	11.9	17.2	17.3	19.5	19.9	19.6	20.7	14.5
Perkhidmatan	4.4	4.8	5.6	5.9	5.1	5.2	5.3	5.5	5.2

Nota: AE = Anggaran awalan

KDNK preliminari bagi ST1 2025 akan diterbitkan pada 16 Mei 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)



Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 18 April 2025

Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 APRIL 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ADVANCE GROSS DOMESTIC PRODUCT ESTIMATES FIRST QUARTER OF 2025

***Malaysia's economic growth estimated at 4.4 per cent,
backed by domestic activities and steady demand***

PUTRAJAYA, 18 APRIL 2025 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the advance Gross Domestic Product (GDP) estimates¹ for the first quarter of 2025. The advance estimates indicate that Malaysia's economy grew by 4.4 per cent in the first quarter of 2025, easing from a 5.0 per cent expansion in the previous quarter.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Malaysia's GDP growth held firm amid persistent global headwinds, underpinned by resilient domestic fundamentals. The Manufacturing sector recorded a 4.8 per cent increase in output for February, driven largely by export-oriented industries. Seasonal events such as Chinese New Year celebrations, preparations for Ramadan and the reopening of the school year helped keep overall economic activities on a positive track. These factors contributed to a stronger performance in distributive trade sales, which rose by 5.1 per cent in February as compared to 4.6 per cent in the previous month, mainly supported by strong performances in both retail and wholesale trade. Additionally, the labour market remained favourable, marked by a continued rise in employment and a stable unemployment rate of 3.1 per cent. On the external front, sustained trade activity was aided by improved global demand for key export goods. Collectively, these domestic and external components helped buffer the economy against global challenges, supporting overall growth during the quarter."

Looking at the sectoral performance, the **Services** sector remained the primary driver of economic growth in the first quarter of 2025, registering a 5.2 per cent growth (Q4 2024: 5.5%), with key contributions from the Wholesale & retail trade, Transportation & storage and Information & communication sub-sectors. The

¹ The computation of advance GDP estimates for the first quarter of 2025 is based on the availability of various data sources. In general, there are differences between the advance GDP estimates and the preliminary GDP due to the availability of data from various sources during the compilation period.

Manufacturing sector also recorded a growth of 4.2 per cent (Q4 2024: 4.4%), largely supported by strong output in the *Electrical, electronic & optical products* as well as the *Vegetable and animal oils & fats and food processing*.

He added, “The **Construction** sector recorded its fifth consecutive quarter of double-digit growth at 14.5 per cent (Q4 2024: 20.7%), supported primarily by *Specialised construction activities and Residential buildings*. The **Agriculture** sector posted a marginal increase of 0.7 per cent (Q4 2024: -0.5%), driven by the *Fishing sub-sector*. Meanwhile, the **Mining and quarrying** sector declined further to negative 4.9 per cent (Q4 2024: -0.9%), reflecting lower production across all sub-sectors.”

Subsequent to this advance estimates, the preliminary GDP data, which provide a detail and comprehensive analysis of economic performance for the first quarter of 2025 will be released on 16 May 2025.

Table 1: GDP Growth by Kind of Economic Activity, (% YoY)

Kind of economic activity	Percentage share to GDP year 2024* (%)	Percentage change from corresponding quarter of preceding year						
		2023	2024	2024				2025
				Q1	Q2	Q3	Q4	Q1**
GDP	100.0	3.6	5.1	4.2	5.9	5.4	5.0	4.4
Agriculture	5.7	0.7	3.1	1.7	7.3	4.0	-0.5	0.7
Mining & quarrying	6.0	0.5	0.9	5.7	2.7	-3.9	-0.9	-4.9
Manufacturing	23.0	0.7	4.2	1.9	4.7	5.6	4.4	4.2
Construction	4.3	6.1	17.5	11.9	17.3	19.9	20.7	14.5
Services	59.8	5.1	5.4	4.8	5.9	5.2	5.5	5.2

Notes: * Exclude Import duties
** Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Table 2: Comparison of Advance Estimates and Preliminary GDP, (% YoY)


Kind of economic activity	2024								2025
	Q1		Q2		Q3		Q4		Q1
	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE	Preliminary	AE
GDP	3.9	4.2	5.8	5.9	5.3	5.4	4.8	5.0	4.4
Agriculture	1.3	1.7	7.1	7.3	4.0	4.0	-0.6	-0.5	0.7
Mining & quarrying	4.9	5.7	3.3	2.7	-3.4	-3.9	-1.4	-0.9	-4.9
Manufacturing	1.9	1.9	4.7	4.7	5.7	5.6	4.3	4.4	4.2
Construction	9.8	11.9	17.2	17.3	19.5	19.9	19.6	20.7	14.5
Services	4.4	4.8	5.6	5.9	5.1	5.2	5.3	5.5	5.2

Notes: AE = Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

Preliminary GDP for Q1 2025 will be released on 16 May 2025

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP)



Note: AE = Advance estimates

Source: Department of Statistics Malaysia

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 18 April 2025

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
18 APRIL 2025**